

# Program Pembudayaan Keselamatan ICT

## Program Pembudayaan Keselamatan ICT

Objektif: Memastikan sumber-sumber manusia yang terlibat termasuk pegawai, kakitangan MPKlang dan pihak-pihak yang berkepentingan memperolehi latihan yang mencukupi dan melibatkan mereka dalam program kesedaran dan pembudayaan ICT.

### Kursus Keselamatan ICT

Kursus dan latihan kakitangan hendaklah disediakan dan memastikan kakitangan menerima latihan keselamatan ICT yang mencukupi secara berterusan untuk dilaksanakan di dalam tugas harian mereka.

Sumber : Dasar Keselamatan ICT MPKlang 4.1

### Program Kesedaran Dan Pembudayaan

Program kesedaran dan pembudayaan keselamatan ICT seperti taklimat dan seminar mengenai pentingnya keselamatan ICT dititikberatkan serta kesan-kesannya sekiranya diabaikan hendaklah diadakan secara kerap dan menyeluruh di kalangan kakitangan.

Program menangani insiden keselamatan ICT juga penting untuk memastikan kakitangan dapat bertindak segera dan sewajarnya sekiranya ia berlaku.

